

14/02/1999

Tafsiran hak asasi berat sebelah

Azizi Othman in Montego Bay (Jamaica)

MONTEGO BAY (Jamaica): Pengertian hak asasi manusia sekarang berat sebelah dan perlu ditangani pada peringkat sejagat serta mengambil kira soal keganasan negara, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, jika isu hak asasi manusia mahu diselesaikan, ia mesti membabitkan semua negara di dunia ini serta soal keganasan negara.

Menurut beliau, isu keganasan negara penting kerana ketika ini, ada negara tertentu kadang-kadang bertindak melaksanakan dasar luar yang menyebabkan ada manusia di negara lain dibunuh.

Katanya, perkara itulah yang disifatkan sebagai keganasan negara dan ia harus ditangani jika dunia mahu benar-benar menyelesaikan pertikaian berhubung isu hak asasi manusia.

"Adalah amat malang sekali kerana apabila saja bercakap mengenai hak asasi manusia, ada pihak sengaja atau sering saja memberi pengertian yang berat sebelah," katanya di sini.

Perdana Menteri berkata demikian ketika menjawab soalan pemberita dalam sidang akhbar bersama Ketua Negara Kumpulan 15 (G-15), yang selesai mengadakan sidang kemuncak mereka, tengah hari semalam.

Hadir sama dalam sidang akhbar yang dipengerusikan Perdana Menteri Jamaica, PJ Patterson itu ialah enam ketua kerajaan G-15 lain iaitu dari Zimbabwe, Sri Lanka, India, Senegal, Venezuela dan Nigeria.

Menurut Dr Mahathir, keganasan negara sebenarnya berlaku kerana pihak tertentu berpendapat apa saja dasar yang mereka buat tidak bercanggah dengan hak asasi manusia, terutama apabila padahnya diterima negara lain.

"Bagaimanapun, kita percaya jika kita mahu menyelesaikan isu hak asasi manusia, ia perlu ditangani pada peringkat sejagat, membabitkan semua negara di dunia dan isu keganasan negara," katanya.

Bagaimanapun, Dr Mahathir enggan memberikan contoh negara yang mengamalkan keganasan negara itu kerana berpendapat adalah tidak diplomatik untuknya berbuat demikian.

Diminta seorang wartawan menamakan negara terbabit, Perdana Menteri berkata, "untuk menyebut nama negara yang terbabit dengan keganasan ini adalah sangat tidak diplomatik," katanya.

Namun selepas itu, Dr Mahathir, dalam nada sinis berkata, beliau "tidak akan menamakan negara terbabit tetapi anda bebas membuat tafsiran dan atau menamakannya sendiri," katanya.

Menjelaskan kepincangan pengertian hak asasi manusia oleh sesetengah pihak, Dr Mahathir memberitahu bahawa kegawatan ekonomi yang dialami Malaysia dan kesannya terhadap rakyat sebagai contoh yang baik.

"Baru-baru ini, oleh kerana tindakan yang diambil oleh pihak di luar Malaysia, banyak rakyat Malaysia yang sebelum ini menikmati hak asasi manusia, kehilangan hak berkenaan.

"Hak asasi yang hilang itu sebenarnya ialah untuk mereka mempunyai pekerjaan, sumber pendapatan dan kehidupan baik," katanya menjelaskan bahawa kegawatan ekonomi itu menyebabkan kehilangan hak berkenaan.

Kenyataan Dr Mahathir itu, yang jelas membidas ketidakadilan negara Utara dalam menangani isu semasa, mendapat tepukan gemuruh kalangan pemimpin, pemerhati dan wartawan yang ada dalam sidang akhbar terbabit.

(END)